

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

16. Terdapat beberapa kolam renang terbuka kepada orang awam di Seberang Perai.

- (a) Sila nyatakan bilangan kolam renang dibawah penyelenggaraan Kerajaan Negeri atau Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Seberang Perai.
- (b) Adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membina kolam renang kepada orang awam di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) pada masa akan datang?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Terdapat 3 kolam renang di bawah penyelenggaraan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Seberang Perai. Senarai terperinci adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	MUKIM	DAERAH
1.	Kolam Renang Seberang Jaya.	1	SPT
2.	Kompleks Sukan Jalan Betek, Bukit Mertajam.	10	SPT
3.	Kolam Renang Pangsapuri Ria, Jalan Kampung Benggali, Butterworth.	Seksyen 4	SPU

Buat masa ini Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk membina kolam renang awam di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).